

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

RMK 13 tumpuan utama Sidang Dewan Rakyat

14

Nasional

20 Julai 2025 BH AHAD

RMK13 tumpuan utama Sidang Dewan Rakyat

Mesyuarat bermula esok turut saksikan perubahan dalam struktur Jemaah Menteri

Dleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) menjadi tumpuan utama pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15 yang akan bermula esok hingga 28 Ogos.

RMK13 akan dibentangkan Perdana Menteri Dato' Sri

Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, di Dewan Rakyat pada 31 Julai bagi menggantikan RMK12 yang berakhir tahun ini.

Rancangan untuk tempoh lima tahun dari 2026 hingga 2030 itu ialah dokumen dasar utama kerajaan bagi melaksanakan agenda Ekonomi MADANI, yang menjadi pemacu utama dalam menyelesaikan isu jurang pembangunan, kekangan kewangan negara dan kelembapan perubahan struktur ekonomi.

Berdasarkan takwim Dewan Rakyat, Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15 akan berlangsung dalam tempoh enam minggu, iaitu selama 24 hari, dari 21 Julai hingga 28 Ogos depan.

Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) dan urusan kerajaan lain akan berlangsung pada tarikh pertama calon kedua

manakala pada minggu ketiga dan keempat, akan menyaksikan Dewan Rakyat membahaskan RMK13.

Ini diikuti sesi penggulungan oleh menteri pada minggu kelima, sebelum pembentangan RUU dan urusan kerajaan lain disambung semula pada minggu keenam.

Mesyuarat kedua 10 hari

Sementara itu, mesyuarat kali ini juga menyaksikan perubahan dalam struktur Jemaah Menteri susulan peletakan jawatan Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli sebagai Menteri Ekonomi dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar.

Tugas itu kini masing-masing dijalankan Menteri Kewangan II, Dato' Seri Amir Hamzah Azizan

serta Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Dalam pada itu, Mesyuarat Kedua Dewan Negara pula akan berlangsung selama 10 hari dari 25 Ogos hingga 10 September.

Pembentangan RMK13

akan berlangsung pada hari pertama, diikuti sesi perbahasan selama tiga hari.

Ini diikuti sesi penggulungan oleh menteri selama dua hari, sebelum diteruskan dengan pembentangan RUU dan urusan kerajaan yang lain.



Scanned with CamScanner